

174 Terima permit teksi

Bantu tingkat pendapatan selepas tamat sewa pajakan kenderaan

KUALA LUMPUR : Seramai 174 pemandu teksi menerima Surat Tawaran Kelulusan (STK) bagi Permit Teksi Individu, dengan 47 daripada mereka turut menerima geran tunai RM5,000 sebagai subsidi kos membeli kenderaan baharu. Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata pemberian permit teksi berkenaan kepada pemandu yang telah tamat tempoh perjanjian sewa pajak kenderaan akan membantu meningkatkan pendapatan mereka sekali gus menyuntik semangat untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

“Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan pemandu teksi yang sentiasa jadi keutamaan kerajaan,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian itu di sini, semalam. Sehingga kini, 2,729 lesen teksi individu telah diserahkan kepada pemandu teksi yang telah menamatkan kontrak system pajak manakala seramai 721 pemandu teksi berkecemasan telah menerima geran RM5,000. Menurut Loke, kira-kira 14,000 pemandu teksi yang kini masih lagi berada dalam kontrak system pajak pula tidak perlu bimbang dengan nasib mereka kerana garis panduan bagi kontrak sewaan pemandu teksi dengan syarikat pengendali akan ditambah baik.

“Entiti baharu Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dibawah Kementerian Pengangkutan akan menambah baik serta menyeragamkan kontrak selain memastikan pematuhan syarat-syarat wajib melalui syarat-syarat lesen pengendali. “Antara contoh syarat-syarat wajib yang akan dikenakan adalah peruntukan bagi hari bebas sewa ketika pemeriksaan puspakom, cuti sakit dan cuti tahunan, insurans pihak pertama dan pemulangan deposit pada akhir tempoh kontrak,” katanya. - Bernama

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 20 | 11 SEPTEMBER 2018